

Panduan Bantuan Dalam Talian – Soalan Lazim

V1.2

S: Bagaimana boleh saya mencari penerbangan dengan menggunakan peta?

Klik pada titik di atas peta untuk memulakan carian. Kemudian pilih pilihan keutamaan anda dari menu pada skrin untuk melihat maklumat penerbangan. Keputusan akan dipaparkan pada peta dan data penerbangan akan ditunjukkan dalam panel keputusan di bawah.

S: Bagaimana boleh saya melihat data penerbangan?

Selepas melakukan carian menggunakan peta atau kotak carian, klik anak panah di bahagian atas panel keputusan untuk menunjukkan data penerbangan. Klik semula untuk menyembunyikan data penerbangan.

S: Bagaimana boleh saya mulakan carian lain dari peta?


Cari semula dari *peta* dengan mengklik pada titik lain, ini akan memulakan carian baharu dari lokasi baharu anda.

S: Bagaimana boleh saya bergerak di sekitar peta?

Zum dan sorot peta dengan menggunakan anak panah + dan – di bahagian kanan skrin.

Apabila banyak garisan ditunjukkan pada peta, ia sangat berguna untuk zum masuk pada peta untuk melihat garisan dengan lebih jelas.

S: Bagaimana boleh saya mulakan semula, mengosongkan peta atau melakukan carian baharu?

Klik  di bahagian atas skrin untuk mengemas kini peta.

S: Mengapa terdapat pelbagai titik berbentuk pada peta?

Titik berbentuk ini digunakan untuk menunjukkan hab, bandar, destinasi terus dan destinasi sambungan. Penunjuk ke arah bawah skrin memaparkan ini. Klik anak panah pada tab untuk menyembunyikan dan menunjukkan penunjuk.

S: Mengapa terdapat garis laluan berwarna yang berbeza pada peta?

Garis laluan ini digunakan untuk menunjukkan pelbagai jenis laluan. Garis laluan ini mungkin membantu anda membuat keputusan laluan/penerbangan untuk diambil. Penunjuk ke arah bawah skrin menyenaraikan takrifan setiap satu bersama-sama warna yang sepadan. Klik anak panah pada tab untuk menyembunyikan dan menunjukkan penunjuk.

S: Destinasi, Laluan, Penerbangan – apakah perbezaan dalam carian, mana satukah yang saya perlukan?

Destinasi – Ke manakah boleh saya pergi? Ini menunjukkan semua destinasi (bandar/lapangan terbang) penerbangan anda, pada satu peta. Garis menunjukkan rangkaian destinasi yang mungkin dan maklumat penerbangan adalah di bawah.

Laluan – Bagaimana boleh saya ke sana? Ini menunjukkan semua laluan berbeza yang anda boleh terbang antara dua bandar pilihan anda. Ia memplot laluan tersebut pada peta dan menunjukkan maklumat penerbangan dalam keputusan di bawah, menjadikannya mudah untuk melihat dengan sepintas lalu.]

AMBIL PERHATIAN; tidak semua peta menunjukkan pilihan ini.


Penerbangan – Bila boleh saya pergi? Ini mencari penerbangan yang dijadualkan antara dua bandar pada tarikh yang anda pilih. Anda boleh memilih tarikh perjalanan keluar dan kembali untuk melihat penerbangan.

Menggunakan borang carian


S. Bagaimana boleh saya memilih destinasi dalam borang carian?

Taipkan nama bandar atau lapangan terbang atau kod dalam kotak carian **Berlepas dari/pergi ke** dan pilih pilihan yang anda kehendaki dari senarai yang ditunjukkan.

S: Bagaimana boleh saya menukar lokasi berlepas dan ketibaan saya untuk melihat perjalanan pergi balik saya?

Klik  untuk menukar lokasi berlepas dan ketibaan dalam carian, untuk mendapatkan perjalanan pergi balik.

S. Bagaimana boleh saya memilih syarikat penerbangan pilihan dalam carian saya?

Kotak **Dengan syarikat penerbangan** membenarkan anda memilih syarikat penerbangan pilihan anda. Anda boleh memilih satu syarikat penerbangan dengan menggunakan anak panah dalam kotak carian. Untuk memilih berbilang syarikat penerbangan, klik  di sebelah kotak carian untuk mendapatkan senarai syarikat penerbangan untuk dipilih darinya dan tandakan syarikat penerbangan yang anda kehendaki. Klik OK atau batal apabila anda sudah selesai.

S. Bagaimana boleh saya membuat carian yang termasuk dengan penerbangan sambungan dan bagaimana untuk saya mencari penerbangan terus?

Apabila kotak **Penerbangan sambungan** ditandakan, keputusan akan menunjukkan penerbangan sambungan, cth. tempat anda perlu menukar penerbangan untuk pergi ke destinasi anda serta penerbangan terus. Ini biasanya akan menunjukkan banyak pilihan.

Untuk menunjukkan **penerbangan terus** sahaja, iaitu anda tidak perlu menukar penerbangan, nyahtanda kotak 'Penerbangan sambungan' sebelum anda mencari.

S. Bagaimana boleh saya cari penerbangan terus sahaja?

Apabila kotak **Penerbangan tanpa henti** ditandakan, keputusan hanya akan menunjukkan penerbangan yang tidak berhenti antara tempat asal dan destinasi yang anda pilih. Jika anda mahu melihat lebih banyak pilihan penerbangan yang anda akan berhenti pada laluan, nyahtanda kotak ini.

S. Bagaimana boleh saya melihat penerbangan yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan yang saya pilih?

Apabila kotak **Masukkan perkongsian kod** ditandakan, anda akan nampak semua pilihan penerbangan yang dikendalikan dan juga dipasarkan oleh setiap syarikat penerbangan. Ini boleh memaparkan banyak keputusan. Jika anda hanya mahu melihat penerbangan yang syarikat penerbangan yang anda pilih mengendalikan pesawat, nyahtanda kotak ini sebelum anda mencari.

S. Bagaimana boleh saya memilih tarikh untuk mencari penerbangan?

Pilih tarikh berlepas dan ketibaan anda dengan mengklik pada kotak dan memilih tarikh dari kalendar.

Anda boleh membiarkan **Tarikh kembali** kosong atau anda boleh memilih tarikh kembali untuk menunjukkan penerbangan bagi perjalanan kembali pada tarikh yang anda pilih (ambil perhatian bahawa tarikh yang telah lepas tidak akan dikenal pasti).

Tarikh +/- 3 hari – apabila ini ditandakan, anda akan dapat melihat penerbangan untuk 3 hari sebelum dan 3 hari selepas tarikh yang dipilih. Ini boleh menjadi sangat berguna untuk memberi gambaran lengkap tentang pilihan yang mungkin kerana tidak semua penerbangan beroperasi setiap hari. Untuk menghadkan carian untuk hanya satu hari, nyahtanda kotak ini sebelum mencari.

S. Bagaimana boleh saya mulakan carian?

Klik butang **Carian** apabila anda telah memilih pilihan carian anda. Peta dan panel keputusan di bawah akan menunjukkan keputusan anda.

S. Bagaimana boleh saya mengemas kini peta/carian dan memulakan carian baharu ?

Untuk memulakan carian baharu, klik  di bahagian atas skrin dan mula semula.

S. Bagaimana boleh saya membaca senarai Keputusan?

Keputusan carian anda akan muncul di bahagian bawah skrin, klik anak panah dalam tab untuk mengembangkan paparan dan lihat keputusan. Anda akan nampak kriteria carian dan bilangan keputusan yang dipaparkan.

Apabila banyak keputusan muncul, ia akan **diberi nombor halaman**, halaman ditunjukkan di sebelah kiri. Gunakan butang **penapis** untuk mengecilkan keputusan carian

S. Saya telah melakukan carian dan tiada keputusan ditemui, apakah yang harus saya lakukan?

Jika tiada keputusan dipaparkan, cuba luaskan kriteria carian anda atau cuba tarikh berlepas yang lain.

S. Bagaimana boleh saya menapis keputusan carian dan apakah penapis yang tersedia untuk digunakan?

Senarai keputusan **Destinasi** dan senarai keputusan **Laluan** boleh **diisih** mengikut destinasi, bilangan hentian atau jarak. Klik butang isih  untuk memilih, keputusan akan dikemas kini dalam urutan isihan yang anda pilih.

Senarai keputusan **Penerbangan** boleh ditapis dalam banyak cara untuk mengecilkan keputusan carian yang ditunjukkan. Gunakan butang penapis untuk melakukan ini.

Hentian: penapis tanpa henti akan menunjukkan kurang penerbangan berbanding penerbangan dengan 1 atau 2 hentian

Perkongsian Kod: *ya* akan menunjukkan semua penerbangan yang dipasarkan, *tidak* akan menunjukkan hanya penerbangan yang syarikat penerbangan memiliki pesawat.

Syarikat Penerbangan: penapis ini hanya akan menunjukkan penerbangan bagi syarikat penerbangan yang telah anda pilih.

Tempoh: gunakan gelangsar untuk mengurangkan tempoh penerbangan dan ia akan memaparkan kurang bilangan penerbangan atau hanya penerbangan terus. Keputusan hanya akan ditunjukkan jika tempoh ditetapkan kepada nilai minimum yang boleh dilaksanakan.

Masa berlepas: laraskan setiap hujung gelangsar untuk mengecilkan tettingkap masa berlepas dan mendapatkan carian anda yang tepat.

Masa ketibaan: laraskan setiap hujung gelangsar bagi mengecilkan tettingkap masa ketibaan.









Melalui bandar: gunakan ini untuk memilih bandar untuk disambungkan, kemudian lihat penerbangan yang hanya bersambung di bandar ini.

Pesawat: jika anda mempunyai jenis pesawat pilihan, pilih ini dari senarai untuk dilihat hanya penerbangan yang beroperasi pada pesawat yang anda pilih.

Isih: gunakan pilihan isih untuk mengutamakan urutan paparan keputusan.

S. Apakah maklumat yang saya dapat dalam jadual Keputusan Penerbangan dan apakah maknanya?

Pengelola lajur memudahkan untuk melihat maklumat.

-  **Berlepas Dari** – ini ialah titik berlepas. Nama Lapangan Terbang/Bandar, kod dan Negara akan ditunjukkan
-  **Pergi Ke** – ini ialah titik ketibaan. Nama Lapangan Terbang/Bandar, kod dan Negara akan ditunjukkan.
-  **Berhenti/Bersambung Melalui** – ini menunjukkan lokasi pada laluan penerbangan sama ada berhenti dan bersambung dengan penerbangan lain.
-  **Syarikat Penerbangan** – ini menunjukkan nama Syarikat Penerbangan untuk Laluan/Penerbangan
-  **Hari Operasi** – ini menunjukkan hari penerbangan beroperasi di laluan tersebut. Ini dapat dilihat dalam carian Penerbangan apabila +/- 3 hari ditunjukkan. Anda akan lihat tarikh sepanjang minggu dan ikon pesawat  di bawah setiap hari penerbangan tersebut beroperasi untuk pandangan cepat apabila penerbangan beroperasi.
-  **Tempoh** – ini menunjukkan tempoh penerbangan dalam jam dan minit.
-  **Jarak** – ini menunjukkan jarak penerbangan.

S. Apakah urutan keputusan yang dipaparkan?


Keputusan Destinasi dan Laluan dipaparkan mengikut urutan abjad.

Keputusan Penerbangan dipaparkan mengikut masa berlepas.

Gunakan bar tatal di sebelah kanan untuk menatal dengan cepat melalui keputusan.


Berlegar di atas baris untuk menyerlahkan keputusan.

S. Apakah fungsi butang Butiran dan bagaimana boleh saya kembali semula ke keputusan?

Klik butang butiran di sebelah kanan  untuk melihat maklumat lebih terperinci mengenai Laluan atau Penerbangan. Untuk kembali semula ke keputusan, klik butang

.

S. Bolehkah saya melihat peta google lapangan terbang atau bandar?

Lihat peta google lapangan terbang atau bandar dari halaman butiran dengan mengklik pada ikon  di sebelah nama bandar atau lapangan terbang. Ini akan membuka tettingkap baharu yang mengandungi peta google, yang kemudiannya dapat anda melihat secara berasingan.

S. Bagaimana boleh saya melihat jadual penerbangan sebenar bagi laluan yang saya pilih?

Dalam carian Destinasi atau Laluan, anda boleh memilih untuk melihat jadual penerbangan sebenar untuk hari semasa, klik pautan untuk melihat ini. [📄 Today's flights on this route](#)

Bagaimanakah boleh saya menempah penerbangan?

Klik butang ini [Tempah Sekarang 📄](#) untuk pergi ke halaman tempahan bagi menempah penerbangan anda.